

Najib Lawat Perth Tinjau Operasi SAR

Bernama

2 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak akan mengadakan lawatan kerja ke Perth, Australia selama dua hari bermula Rabu untuk meninjau operasi pelbagai negara dalam pencarian pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH370, dari Perth.

Perdana Menteri akan meninjau operasi itu di Pusat Koordinasi Agensi Bersama (JACC) di Pangkalan Pertahanan Udara Pearce.

"Lawatan itu adalah bertepatan bagi merakamkan penghargaan kepada kerajaan Australia serta pasukan dan anggota yang terlibat dalam pencarian tersebut, termasuk dari Malaysia," menurut kenyataan Wisma Putra di sini.

Semasa di Perth, Najib juga dijadual mengadakan mesyuarat dua hala bersama Perdana Menteri Australia, Tony Abbott bagi membincangkan isu-isu kepentingan bersama khususnya mengenai perkembangan terkini operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) serta hala tuju seterusnya operasi itu.

Najib kemudian akan mengadakan lawatan rasmi ke Vietnam selama tiga hari mulai 3 April dalam rangka meningkatkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Dalam lawatan itu beliau akan diiringi Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta para pegawai kanan kementerian.

Semasa di Vietnam, Perdana Menteri akan menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman mengenai kerjasama dalam bidang pertanian.

Beliau juga dijadual membuat kunjungan hormat ke atas Ketua Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong; Presiden Vietnam, Truong Tan Sang; serta Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung.

"Lawatan ini menyediakan peluang terbaik kepada Perdana Menteri untuk memperbaharui persahabatan beliau dengan pemimpin Vietnam dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala yang mempunyai kepentingan bersama seperti perdagangan dan pelaburan, kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan, pendidikan, pertahanan, pelancongan serta isu-isu serantau dan antarabangsa," kata Wisma Putra.

Perangkaan menunjukkan bahawa dari Januari hingga Disember 2013, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Vietnam meningkat 13.51 peratus kepada RM10.25 bilion berbanding RM9.03 bilion untuk tempoh sama pada 2012.

Di Vietnam, Perdana Menteri juga dijadual menghos sesi bersama ahli-ahli perniagaan terkemuka dari Malaysia dan Vietnam.

Sesi itu bertujuan mewujudkan rangkaian perniagaan baru bagi meningkat dan mengukuhkan hubungan perdagangan serta pelaburan.

Ia juga menyediakan peluang kepada wakil perniagaan kedua-dua negara untuk berkongsi pandangan dan pemikiran ke arah meningkatkan hubungan ekonomi Malaysia-Vietnam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026991>